

# Sikap pemimpin pembangkang diqedah

UM 25 NOV 2001

PUTRAJAYA 24 Nov. — Pemimpin-pemimpin pembangkang yang dahulunya berada dalam kerajaan mendapat tanah atau keistimewaan lain dengan menyembunyikan hasrat mereka untuk menyertai parti pembangkang, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, semasa pemimpin-pemimpin itu berada dalam kerajaan, mereka menyembunyikan hasrat mereka untuk menyertai parti pembangkang dan meminta bermacam-macam untuk diri mereka dan mendapat layanan.

Katanya, pemimpin pembangkang terbabit menggunakan kedudukan mereka ketika dalam kerajaan untuk mendapatkan sesuatu bagi kepentingan diri sendiri.

“Tetapi orang ini tidak pernah berterima kasih. Kalau kita tolong mereka, mereka akan gigit kita. Inilah tabiat mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan perkhidmatan penyiaran audio digital Worldspace yang dipelopori oleh Syarikat Asiaspace Dotcom Sdn. Bhd., di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, tabiat seperti ini juga diajar kepa-

da semua pengikut parti pembangkang oleh pemimpin-pemimpin itu.

“Tidak berterima kasih, tidak rasa terhutang budi bila kita menolong mereka. Ini satu perkara yang amat buruk sekali. Bila kita tolong mereka, beri biasiswa misalnya, balas balik dengan mengecam orang yang menolong mereka,” tambahnya.

Dr. Mahathir mengulas cabaran Setiausaha Agung Pas, Nasharuddini Mat Isa yang meminta Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin menyenaraikan nama pemimpin pembangkang yang pernah mendapat keistimewaan daripada kerajaan Selangor.

Menurut Nasharuddin, Zainuddin perlu menamakan ahli pembangkang yang menerima layanan istimewa tersebut termasuk dua ulama yang kini merupakan penyokong Pas.

Ekoran cabaran itu, bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib sedia mendedahkan nama pemimpin parti pembangkang yang menerima tanah semasa era pentadbirannya pada tahun 1990-an.